

Merungkai kecelaruan identiti gender: Antara kebebasan hak asasi individu dan dilema kepimpinan generasi muda

ABSTRAK

Makalah ini menerokai isu kecelaruan identiti gender (Gender Identity Disorder) atau Gender Dysphoria dalam kalangan generasi muda yang merujuk kepada golongan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender). Konteks perbincangan memfokalkan isu antara kebebasan hak asasi individu LGBT dan dilema generasi muda - tunggak kepimpinan bangsa negara kita. Dalam merungkai keresahan umum maka tujahan perspektif perbincangan ini menggarap objektif serampang dua mata iaitu (1) mengenalpasti faktor penyumbang kecelaruan identiti gender individu yang mengamalkan gaya hidup LGBT, dan (2) menilai kebebasan hak asasi individu berhubung pelaksanaan penguatkuasaan undangundang berkaitan dengan isu LGBT. Pendekatan kualitatif mengutilasi kaedah analisis kandungan data sekunder iaitu hasil perolehan penelitian jurnal, laporan, buku dan sumber berita dalam talian. Perdebatan tertumpu ke atas seleksi lima isu kontemporari iaitu (i) Konflik Diri & Kecenderungan Orientasi Seksual Berbanding Jantina Biologi, (ii) Kepincangan Sistem Sokongan Keluarga & Penglibatan Pihak Signifikan, (iii) Lingkungan Pengaruh Pergaulan Rakan Sebaya Sejenis, (iv) Disorientasi Pengalaman Hidup & Kesejahteraan Kesihatan Mental dan Fizikal, dan (v) Kurang Penghayatan Agama & Pemesongan Pegangan Hidup. Cerapan perbincangan disulami dengan relevansi Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Perlembagaan Persekutuan, Akta 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Akta Komunikasi & Multimedia 1988 (Akta 588) turut dikaitkan dengan isu perundangan kesalahan pelaku LGBT. Intihanya penafian golongan LGBT dalam komuniti masyarakat dilaksanakan melalui pengubalan undang-undang demi menyekat perlakuan bertentangan dengan ajaran agama terutama demi menjaga imej Malaysia yang mendukung Islam sebagai agama rasmi.